

TITAH UCAPAN DYMM TUANKU SYED FAIZUDDIN PURTA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALAUILLAIL SEMPENA MAJLIS SANTAPAN MALAM BERSAMA DYMM SERTI PADUKAN BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG DAN DYMM SERI PADUKA BAGINDA, RAJA PERMAISURI AGONG DAN WARGA KERJA KUKUM PADA 4 JULAI 2004 DI PUTRA PALACE, KANGAR, PERLIS

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MAHA MENGASIHANI

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

SEGALA PUJI-PUJIAN BAGI ALLAH SUBAHANAHU WATA'ALA, SELAWAT DAN SALAM KE ATAS JUNJUNGAN BESAR NABI MUHAMMAD SALLAHU 'ALAIHI WASSALAM, KAUM KELUARGA DAN PARA SAHABAT BAGINDA.

MENGHADAP KE BAWAH DYMM SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG, TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL IBNI AL-MARHUM TUANKU SYED PUTRA JAMALULLAIL DAN DYMM SERI PADUKA BAGINDA, RAJA PERMAISURI AGONG, TUANKU FAUZIAH BINTI AL-MARHUM TUANKU ABDUL RASHID, AYAHANDAN DAN BONDA TERCINTA BETA.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

SYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBHANU WATAALA DI ATAS LIMPAH KURNIA DAN IZINNYA DAPAT KITA BERKAMPUNG SERTA BERAMAH MESRA DI DALAM MAJLIS SANTAPAN MALAM INI. SEMOGA PERTEMUAN KITA PADA MALAM YANG MULIA INI DIBERKATI OLEH YANG MAHA ESA HENDAKNYA.

TERLEBIH DAHULU BETA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA LT. KOL. PROFESOR DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN SELAKU REKTOR DAN SELURUH WARGA KERJA KUKUM KERANA TELAH SUDI MENGANJUR MAJLIS YANG CUKUP ISTIMEWA DAN BERMAKNA BUAT KITA SEMUA. BETA BERASA CUKUP BERTUAH KERANA MAJLIS SANTAPAN INI ADALAH KALI PERTAMA SEUMPAMANYA DIHADIRI OLEH AYAHANDA DAN BONDA BETA BERDUA BERSAMA-SAMA WARGA KERJA KUKUM.

APA YANG LEBIH ISTIMEWA LAGI MAJLIS INI BERLANGSUNG DI NEGERI PERLIS IAITU DI TANAH TUMPAH KELAHIRAN AYAHANDA DAN BETA SENDIRI. IA PASTI MENJADI KENANGAN YANG CUKUP BERHARGA BUAT KITA SEMUA. IBARAT KATA YANG BIJAKSANA, TEMPAT JATUH LAGI DIKENANG ORANG INIKAN PULA TEMPAT BERMAIN.

BETA TERAMAT BANGGA DENGAN TERTUBUHNYA SEBUAH UNIVERSITI DI NEGERI YANG CUKUP BERTUAH INI. TIDAK PERNAH TERLINTAS DEK FIKIRAN SUATU SAAT NANTI PERLIS AKAN MEMPUYAI SEBUAH UNIVERSITI. QADA DAN QADAR TELAH MENENTUKAN BAHAWA SAAT ITU AKAN TIBA JUA DAN ZAHIR LAH SUDAH PENUBUHAN KUKUM DI NEGERI INI.

SYABAS DAN TAHNIAH DIUCAPKAN KEPADA MEREKA-MEREKA YANG TERLIBAT DALAM PENUBUHAN KUKUM DARI SECARIK KAPAS MENJADI SELEMBAR KAIN. SEKALI BAH SEKALI PANTAI BERUBAH. KEHADIRAN KUKUM TELAH BANYAK MENGUBAH SENARIO PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI DI NEGERI INI.

IMPAK SERTA KESAN PERTEMBUNGAN IDEA DAN BUDAYA YANG DIBAWA MASUK OLEH SETIAP INDIVIDU KUKUM KE NEGERI INI AMAT POSITIF. BETA DIMAKLUMKAN TERTUBUHNYA KUKUM TELAH BANYAK MEMBUKA PELUANG-PELUANG PERNIAGAAN KEPADA PENDUDUK TEMPATAN.

HATTA JUGA SUMBANGAN KUKUM KEPADA PEMBANGUNAN EKONOMI NEGERI DAN INDIVIDU MELALUI PENYEWAAN BANGUNAN-BANGUNAN DAN RUMAH-RUMAH UNTUK KEDIAMAN KAKITANGAN DAN KOLEJ KEDIAMAN.

DI KESEMPATAN INI BETA INGIN BERPESAN KEPADA SELURUH WARGA KERJA KUKUM, BEKERJALAH BERSUNGGUH-SUNGGUH DALAM MEMBANGUNKAN KUKUM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI. KEJAYAAN TIDAK AKAN DATANG BERGOLEK TANPA USAHA SERTA PENGORBANAN. JERIH-PERIH TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEMUA HARI INI, INSYA ALLAH AKAN BERHASIL DI KEMUDIAN HARI. BEKERJALAH DENGAN PENUH KEIKHLASAN TANPA MENGHARAPKAN APA-APA GANJARAN KERANA PEKERJAAN YANG IKHLAS ITU SUATU IBADAH.

PERJALANAN ANDA SEMUA BARU BERMULA. DI DALAM MENITI PERJALANAN MENUJU KEMUNCAK KEJAYAAN SUAH PASTI DIUJI DAN DIDUGA DENGAN PELBAGAI CABARAN DAN DUGAAN. ANDAI DILANDA BADAI KELAK, KUATKAN IMAN, TEGUHKAN PENDIRIAN DAN JANGAN CEPAT MELATAH. RENUNGAN SEJENAK MASALAH TERSEBUT, BERMUAFAKAT DAN CUBALAH SELESAIKANNYA TANPA PERLU BERSIKAP EMOSIONAL.

BETA JUGA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SERI PADUKA AYAHANDA TUANKU SYED SIRAJUDDIN KERANA TELAH MEMBERI PERKENAN PERLANTIKAN BETA SEBAGAI CANSELOR KUKUM. INSYA ALLAH, KEPERCAYAAN YANG DIBERIKAN AKAN BETA GALAS DENGAN PENUH KEIKHLASAN, BERKAT DOA SERTA SOKONGAN SEMUA PIHAK.

SEBELUM MENGAKHIRI TITAH UCAPAN PADA MALAM INI, BETA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SELURUH

WARGA KERJA KUKUM KERANA TELAH SUDI MENGUNDANG AYAHANDA,
BONDA, BETA DAN RAJA PUAN MUDA KE MAJLIS INI. BETA SUDAH
DENGAN UCAPAN WABILLAHIT TAUFIK WALHIDAYAH
WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.